

# Puyu monster Bandar Diraja Klang

Kaki pancing temui lubuk puyu dalam kawasan estet kelapa sawit

Oleh MOHD HAZRIZAL MOHD HANAPIAH

Jika anda memperoleh banyak ikan yang bersaiz besar, ketahuilah dua perkara ini bahawa lokasi memancing itu lubuknya jarang-jarang atau tidak diketahui pemancing lain dan juga terdapat sumber makanan yang banyak menyebabkan ikan di kawasan berkenaan membesar dan menjadi *monster*.

Perkara itu diceritakan rakan penulis, Mohd Suffian Mahmud, 43, yang menemui lubuk puyu yang bersaiz *monster* ketika dia sedang *casting* haruan dalam kawasan estet kelapa sawit yang telah ditebang di Bandar Diraja Klang, Selangor.

"Minggu berikutnya saya bawa joran teleskopik dan memang terbukti cakupan yang terlihat masa *casting* haruan adalah cakupan ikan puyu.

"Bukan setakat puyu, ikan keli pun ada berkongsi lubuk yang sama," katanya.

Mohd Suffian yang mesra di sapa Yanz berkata, disebabkan lama tidak memancing puyu bersaiz *monster*, dia melupakan seketika kegemarannya *casting* haruan.

"Untuk memancing di kawasan berkenaan sangat mencabar kerana cuaca cukup panas ketika ini dan tiada pokok besar yang boleh dijadikan tempat berteduh."

"Sebab itu terpaksa bawa payung besar untuk dijadikan tempat berteduh, selain bekalan air minuman yang mencukupi," katanya yang bekerja sendiri di Shah Alam, Selangor.

Menurutnya, untuk akses ke lu-


buk puyu berkenaan, dia menggunakan motosikal kerana lebih cepat dan mudah sekiranya muh berpindah tempat.

Beliau yang telah tiga kali mengunjungi lokasi berkenaan berkata, estet berkenaan dahulunya kawasan larangan dan disebabkan itulah penghuni lubuk di situ bersaiz *monster* kerana tiada sebarang gangguan daripada kaki pancing.

"Selepas pokok kelapa sawit ditebang, saya cuba mencari haruan di kawasan berkenaan sehingga bertemu lubuk puyu.

"Memang seronok memancing menggunakan joran teleskopik, tambahan pula bukan senang nak jumpa puyu bersaiz besar sekarang ni," katanya yang membawa pulang ikan puyu sebagai juadah keluarganya, selain turut memberikan ikan tersebut kepada rakan yang lain.

Mohd Suffian berkata, dalam keseronokannya memancing spesies puyu, sebenarnya lubuk berkenaan akan lenyap buat selama-lamanya kerana dalam tempoh terdekat akan ditimbul dan diratakan untuk dijadikan kawasan perumahan.




Ikan puyu yang bersaiz sebesar tapak tangan.



Ikan puyu yang diliur sepanjang 20 sentimeter.

Mohd Suffian dengan tangkapan puyu yang diperolehnya dalam kawasan estet kelapa sawit yang telah ditebang di Bandar Diraja Klang, Selangor.



Lubuk puyu yang bakal lenyap tidak lama lagi.

Telur kerengga adalah antara umpan paling ampuh untuk memancing puyu.

## INFO

- Ikan puyu atau nama saintifiknya *anabas testudineus* merupakan spesies maserba iaitu makan apa sahaja termasuk daripada tumbuhan akuatik seperti alga.
- Puyu mampu untuk terus hidup dalam keadaan air yang minimum dan mempunyai kadar survival yang tinggi selagi insangnya dalam keadaan lembab.
- Nama panggilan lain puyu ialah betuk.
- Selain dijadikan hidangan, puyu juga sesuai dijadikan ikan hiasan.

## PERALATAN DISYORKAN

- Joran jenis teleskopik paling sesuai digunakan kerana boleh dilaras mengikut jarak dan keselesaan.
- Gunakan tali mono bawah 10lb dan mata kail kecil.
- Umpan terbaik adalah telur kerengga yang diperoleh daripada sarangnya yang dibakar, selain cacing tanah sebagai umpan universal.